

PILIHANRAYA MUNGKIN DIADAKAN

PARLIMEN

HARI ^(P) INI UM - 5 OCT 1990

KUALA LUMPUR 4 Okt. —
Dato' Sri (Dr. Mahathir Mohamad) hari ini mengumumkan Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri kecuali Sabah dan Sarawak akan dibubar serentak, esok bagi membolehkan pilihanraya umum kelapan diadakan dalam masa 60 hari.

Perdana Menteri berkata, Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah memperkenankan pembubaran tersebut selaras dengan Fasal 2 Perlembagaan Persekutuan.

Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu, beliau akan menasihati semua Menteri Besar dan Ketua Menteri mengambil tindakan sewajarnya untuk membolehkan Dewan Undangan Negeri dibubar pada tarikh yang sama.

"Dengan itu kita akan dapat menjalankan pilihanraya umum serentak," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pemimpin - pemimpin parti komponen Barisan Na-

Oleh
Kamal Zailani, Rozaid A. Rahman, Mohd. Noor Che Mat

sional (BN) di Menara Dato' Onn di sini.

Mengenai tarikh pilihanraya Dato' Sri Dr. Mahathir memberitahu, Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) akan menetapkannya mengikut peruntukan undang - undang bagi urusan pilihanraya.

Beliau menambah, tempoh kempen mengikut peraturan yang ditetapkan adalah di antara tujuh hari hingga enam minggu tetapi terpulung kepada SPR kerana ini bukan urusan kerajaan.

Ditanya apakah BN yakin akan mencatatkan kemenangan besar dan mempertahankan kesemua kerusinya, Perdana Menteri berkata:

"BN percaya boleh memperoleh majoriti dua pertiga kerana ia penting. Kalau tak dapat dua pertiga, kerajaan tidak akan kukuh dan ini hanya akan menyebabkan pergolakan yang tidak sihat."

Menyentuh mengenai peruntukan kerusi, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, tidak ada perubahan besar di kalangan parti - parti komponen BN di Semenanjung.

Bagaimanapun beliau tidak menolak kemungkinan membuat sedikit perubahan.

Menjawab pertanyaan mengenai senarai calon, Perdana Menteri berkata, ia belum diputuskan lagi.

"Tetapi saya berpendapat tidak banyak perubahan yang akan dilakukan kerana kita tidak menggurkkan seseorang itu hanya semata - mata kerana hendak gugurkannya... kalau prestasi baik sudah tentulah kita akan kekalkan yang lama," ujar beliau.

Menyentuh penggunaan lambang, beliau menambah, semua parti komponen termasuk di Sarawak akan menggunakan simbol BN dan ini dipersetujui oleh semua pemimpin yang hadir dalam mesyuarat petang ini.

Bagaimanapun, ujar beliau, penggunaan lambang di Sabah akan ditentukan kemudian.

LIHAT MUKA 2

DIBUBARKKAN

DALAM MASA 2 MINGGU

PARLIMEN DIBUBAR HARI INI

Mengenai rapat umum, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, terpulang kepada polis menentukannya tetapi beliau berpendapat polis tidak begitu ber-setuju untuk membenarkan rapat umum.

Bagaimanapun, katanya, polis telah menetapkan beberapa peraturan untuk mengawal keadaan sepanjang minggu berkempen.

Ditanya mengenai pemerhati pilihanraya dari Komanwel, beliau berkata, kerajaan telah menghantar surat kepada setiausaha badan itu, Chief Anyouku bagi memaklumkan bahawa pilihanraya di Malaysia biasanya dijalankan dua minggu selepas Parlimen dibubarkan.

"Oleh itu sudah tentulah dia sedia maklum dan buat persiapan awal. Kita setuju Komanwel menghantar wakil. Mengenai parti pembangkang saya tidak tahu," katanya.

Ditanya mengenai belanjawan negara, Perdana Menteri menegaskan, apabila Parlimen dibubarkan, secara automatik tidak akan ada perbincangan belanjawan.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, walaupun belanjawan yang akan dibentangkan sangat menarik dan boleh menolong mempopularkan kerajaan tetapi malangnya ia terpaksa ditangguh dahulu kerana Parlimen telah dibubar.

Menjawab satu soalan, beliau berkata, kerajaan mempunyai wang yang mencukupi untuk dibelanjakan sehingga hujung tahun ini.

Sejumlah 180 kerusi Parlimen dan 351 kerusi Dewan Undangan Negeri akan dipertandingkan pada pilihanraya umum kali ini.

Pilihanraya kali ini juga menyaksikan proses pengiraan undi dengan cara baru, yang dijalankan terus di pusat mengundi bagi menggantikan pengiraan undi secara berkelompok di bawah sistem lama.

Cara baru pengiraan undi itu dijangka akan membolehkan keputusan pilihanraya diketahui lebih awal.

Sebelum pembubaran ini, BN mempunyai 133 kerusi Dewan Rakyat dan 287 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Pada pilihanraya umum 1986, BN memenang 148 daripada 177 kerusi Parlimen yang dipertandingkan dan 299 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Bagaimanapun, bilangan ini berkurangan berikutan tindakan beberapa wakilnya menubuhkan Parti Semangat 46 dan penarikan diri Parti Hisbul Muslimin (HAMIM) dari BN.

Tempoh Parlimen ketujuh dijadualkan berakhir Oktober tahun depan.